PENDAKWA RAYA

lwn.

CHIEW YOON PHENG & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
PEH SWEE CHIN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 15 TAHUN 1985]
31 DISEMBER 1990

PROSEDUR JENAYAH: *Pengedaran dadah - Kawalan rumah - Keterangan anggota polis yang bercanggah - Persamaan antara tertuduh - Sukar membezakan - Keterangan tertuduh satu dan dua bahawa tertuduh ketiga tidak terlibat - Rayuan yang munasabah.*

Ketiga-tiga tertuduh, OKT1, OKT2 dan OKT3 telah didakwa atas pertuduhan pengedaran heroin di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Telah dibuktikan bahawa benda yang dibuang ke dalam lubang tandas dan sisa yang terdapat di lantai dekat tandas adalah heroin. OKT1, OKT2 dan OKT3 telah ditahan di sebuah rumah akibat serbuan polis.

Mahkamah berpendapat bahawa tidak ada keterangan yang mencukupi untuk membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT1 dan OKT2 dan mereka dilepaskan tanpa mengambil pembelaannya; kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap OKT3 dan dia dipanggil untuk membela diri. OKT3 memberi keterangan dalam kandang saksi. OKT1 dan OKT2 juga dipanggil menjadi saksi tetapi OKT1 takut menjawab soalan mengenai siapa yang memiliki dadah itu dan siapa yang membawa bungkusan plastik ke tandas. Mahkamah membenarkan permohonan peguam OKT3 untuk memaksa OKT1 menjawab soalan ini di bawah s. 132(2) Akta Keterangan 1950 dan OKT1 mengaku bahawa dialah yang membuang dadah ke dalam tandas.

Diputuskan:

[1] (a) Selain daripada T, tiada sesiapa yang nampak OKT2 melakukan apa-apa dengan dadah itu dan Mahkamah merasa ragu-ragu dan tidak pasti sama ada OKT2 adalah orang yang membuangkan sesuatu ke dalam lubang tandas sepertimana yang diterangkan oleh T; lagipun T telahpun dipecat dari pasukan polis kerana salah laku sejak kejadian itu.

(b) K yang berada di tempat dekat dengan bilik air, tidak menahan OKT2 dan K juga tidak dipanggil ke kandang saksi untuk memberi keterangan;

(c) Mahkamah tidak dapat membuta tuli percanggahan yang serius antara keterangan T dan anggota-anggota polis yang lain tentang siapa yang sebenarnya membuang dadah ke dalam tandas;

(d) Bukti suatu kes *prima facie* bukan bererti Mahkamah tidak boleh menimbang kualiti keterangan saksi pada akhir kes pendakwa, sebaliknya ia terpaksa berbuat demikian dalam proses membuat kesimpulan sama ada kes *prima facie* telah dibuktikan;

(e) Pihak pendakwa telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT2, dengan perkataan-perkataan lain, dengan adanya keterangan begini, dengan sendirinya, adalah tidak selamat langsung untuk menyabitkan OKT2;

[2] (a) Mahkamah pun telah perhatikan persamaan antara bekas OKT1 dan OKT3 - Bagi orang-orang yang kenal mereka, dapatlah camkan mereka dengan tiada kesusahan. Untuk pandangan sepintas lalu, adalah sukar untuk membezakan mereka, antara satu sama lain;

(b) OKT1 dan OKT3 cuma memakai seluar dalam masing-masing, dan ini menyebabkan pengenalan mereka lebih sukar lagi, tambahan pula, keadaan pada malam itu adalah tergesa-gesa sangat; misalnya, polis memecahkan cermin tingkap, polis memanjat rumah hingga ke loteng, di depan dan belakang rumah tersebut; kes ini dibicarakan selepas kejadian tersebut berlaku 4 tahun yang lalu; dan T1 dalam keterangannya, tidak menyebut tentang bekas OKT1 dan OKT3 tetapi sebaliknya hanya ternampak bekas OKT2 sahaja dan kekeliruan telah berlaku;

(c) OKT1 dan OKT2 pun memberi keterangan bahawa OKT3 sebenarnya tidak terlibat, dan bukan OKT3 yang berulang alik antara bilik air dan bilik tidur itu. Pernyataan amaran OKT3 juga telah dikemukakan untuk membuktikan isu ini;

(d) Semua ini, dengan sendirinya, tidak mencukupi untuk menyakinkan Mahkamah tetapi apabila dicampur dengan semua fakta yang tersebut di atas memang menyebabkan Mahkamah ini merasa ragu-ragu dan teragak-agak tidak berhenti tentang sama ada OKT3 adalah terlibat atau tidak. Tambahan pula, cara dia menyampaikan keterangan pun menyakinkan, seolah-olah dia bukan berlaku untuk menyelamatkan diri.

[OKT1, OKT2 dan OKT3 dibebaskan dan dilepaskan.]

Kes yang dirujuk:
Munusamy v. PP [1987] CLJ (Rep) 221

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs 1952, ss. 39B(1)(a), (2)
Evidence Act 1950, s. 132(2)

Bagi pihak Tertuduh No. 1 - Chin Yoong Fee
Bagi pihak Tertuduh No. 2 & 3 - Gurbachan Singh
Bagi pihak Pendakwa Raya - Mohd. Zaki bin Mohd. Yassin, Timbalan Pendakwa Raya

PENGHAKIMAN

Peh Swee Chin H:

Ketiga-tiga tertuduh, (kemudian dari ini dipanggil OKT1-OKT3) didakwa atas pertuduhan yang seperti berikut:

> That you on 29 January 1985 at about 1.30 a.m. at house No. 22, Lorong Keledang Timur 5, Taman Rasi, Ipoh, in the State of Perak, did traffic on your own behalf, dangerous drugs, to wit, heroin weighing 294.86 gm in contravention of provision of s.39B(1)(a) of Dangerous Drugs Act No. 30/52 (Laws of Malaysia Act 234) and that you have thereby committed an offence punishable under s.39B(2) of the same Act.

Ringkasnya, kes pendakwaan adalah begini. Bekas Insp. Abdul Ghani, yang pada 28 Januari 1985, bertugas sebagai Inspektor Kawasan di Balai Polis Pasir Puteh, Ipoh, menerima suatu maklumat pada pukul 11.30 malam dan bersama-sama empat anggota polis lain, iaitu Kpl. Kamaruddin, Kons. Tukimin, Kons. Asral dan Kons. Mustaffa pergi ke Balai Polis, Menglembu, Ipoh dan berjumpa dengan Insp. Teing, iaitu Inspektor Kawasan Menglembu.

Pada pukul 1.00 pagi pada 29 Januari 1985, Insp. Ghani dan orang-orangnya, bersama-sama Insp. Teing dengan orang-orangnya pula, iaitu Kons-kons. Tan, Moke, Ng dan Hamidon membuat suatu serbuan ke atas rumah No. 22, Lorong Keledang Timur, Menglembu, Ipoh.

Semasa mereka tiba di rumah tersebut, (iaitu sebuah rumah teres bertingkat dua); pintu pada halaman rumah itu tertutup. Semua polis itu memanjat ke dalam. Kons.-kons. Asral, Ng, Tan dan Tukimin telahpun diarah pergi ke belakang rumah tersebut untuk mengawasinya dan Kons.-kons. Mustapha, Hamidon dan Moke diarah memanjat ke belkoni di loteng rumah. Insp. Ghani dan Kopral Kamaruddin telah mengetuk pintu depan dan meminta supaya ianya dibuka dan memperkenalkan diri sebagai polis. Orang-orang dalam rumah itu enggan membukanya. Seorang perempuan dan 3 orang lelaki ternampak dalam rumah itu di tingkat bawah oleh kerana cermin tingkap dipecahkan polis. Pada masa itu, seikatan kunci telah pun dicampakkan dari atas kepada Insp. Ghani oleh Kons. Hamidon. Pintu depan pun dibuka, rumah itu pun terang, dan lampu-lampu telah dipasang di atas dan di bawah. Keempat-empat orang yang ada di bawah pun diperiksa, dan tidak apa-apa yang dijumpai. Polis pun naik ke atas.

Sementara itu, Kons. Moke yang telah memanjat ke atas rumah itu bersama-sama dengan 2 anggota polis yang lain sampai di belkoni dan mengintai ke dalam salah sebuah bilik di atas dan mendapati ia terang kerana lampu dipasang. Dua orang pemuda dijumpai oleh Kons. Moke dalam bilik itu. Salah satu daripada dua orang itu dinampak meninggalkan bilik dengan suatu bungkusan ke arah belakang rumah di atas itu kemudiannya, bunyi air dalam (lubang) tandas (flushing) didengar. Kons. Moke nampak orang yang membawa bungkusan itu keluar dan balik semula ke bilik. Seorang lagi kemudian meninggalkan bilik dan pulang dengan kunci-kunci yang diminta dan menyerahkan suatu ikatan kunci kepada Kons. Hamidon yang mencampaknya ke bawah. Orang yang keluar dan pulang kemudian dengan satu ikatan kunci adalah dicamkan sebagai OKT1. Kons. Moke pun memasuki rumah itu dari bawah dan naik ke atas dan terus pergi ke sebuah bilik tandas. Dia nampak benda yang berbiji-bijian dan kemerah-merahan di lantai dekat dengan tandas itu dan juga dalam lubang tandas itu. Insp. Teing pun sampai dan mengarah dia supaya mengutip benda itu. Dia menggunakan satu tin biskut kosong yang terdapat di situ untuk mengisikannya dengan sepenuhnya benda itu. Kemudian, tiga orang lelaki Cina dari atas dan tiga orang lelaki Cina dan seorang perempuan Cina dari bawah telah pun dibawa ke Balai Polis Menglembu.

Kons. Moke telah pergi ke rumah sekali lagi pada pukul 4.30 petang dengan ASP Arunasalam, Insp. Sakri, D/Cpl. Lim dan seorang tukang gambar. Kons. Moke diarah memungut sisa benda itu dan dia berbuat demikian dengan suatu baldi plastik merah. Orang yang dinampak meninggalkan bilik dengan suatu bungkusan dicamkan oleh Kons. Moke sebagai OKT3 dan orang yang lain itu yang memberi ikatan kunci itu dicamkan sebagai OKT1. Dia juga nampak seorang lagi yang telah ditahan oleh Kopral Kamaruddin; ia dicamkan sebagai OKT2. Semua OKT dinampak memakai seluar dalam sahaja, (hampir bertelanjang).

Kons. H'ng yang berada bersama-sama dengan Kons. Asral dan Kons.Tukimin di belakang rumah itu terdengar bunyi air di tandas dari loteng. Dia pun membuka "sump" di sana, dan melihat ke dalam "sump" itu (atau lubang menyalurkan cecair) dengan lampu picitnya dan mendapati air berlumpur disalurkan ke dalamnya. Bunyi air itu datangnya dari tandas di bahagian belakang loteng rumah itu.

Bekas Kons. Tukimin yang disuruh menjaga di belakang rumah itu, melihat air berlumpur itu dan berlari ke depan rumah itu. Dia pun naik ke loteng dan nampak seorang lelaki Cina membongkok dan membuang sesuatu benda yang disyaki dadah ke dalam lubang tandas. Dia pun menahannya dan membawanya ke Kpl. Kamaruddin. Orang yang ditahan ialah OKT2.

Apabila disoalbalas, Kons. Tukimin mengaku bahawa dia telah dipecat dari Polis di Raja Malaysia tetapi tidak pernah didakwa di Mahkamah. Tindakan tatatertib itu ada berkaitan dengan penggunaan pistol polis.

Kons. Asral yang disuruh menjaga di belakang rumah itu, telah memanjat pintu masuk di belakang dan terus memanjat tembok sampai ke suatu tingkap di loteng. Dia mengintai dan nampak seorang lelaki Cina pergi ke sebuah tandas dengan suatu bungkusan dan membongkok ke arah tandas dan dia terdengar air "deras" tandas itu. Orang Cina itu meninggalkan bilik air dan pulang kemudian dengan suatu bungkusan lagi, dan dia membongkok dan menarik pam air tandas lagi. Kemudian dia keluar dan pulang sekali lagi pada kali ketiga dengan suatu bungkusan lagi. Dia membongkok dan menarik pam air tandas lagi, tetapi pada kali ini bunyi air tandas tidak lagi kedengaran. Orang ini adalah OKT3.

Keterangan ini hendaklah dibandingkan dengan keterangan bekas Kons. Tukimin yang ternampak seorang sedang membongkok dan membuang benda ke dalam lubang tandas dan orang itu adalah OKT2. Keterangan-keterangan ini pula hendaklah dibandingkan dengan keterangan Kons. Moke dan Kons. Hamidon, yang masing-masing menyatakan bahawa yang meninggalkan bilik dengan satu bungkusan dan pulang (sekali sahaja) kemudian adalah OKT3.

Tidak dinafikan, dan juga dibuktikan bahawa benda yang dibuang ke lubang tandas dan yang sisanya terdapat di lantai dekat dengan tandas itu adalah heroin.

Di akhir kes pendakwa, peguambela-peguambela bagi pihak ketiga-tiga OKT pun mengemukakan hujah-hujah masing-masing.

Encik Chin, peguambela bagi OKT1, menghujah bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan OKT adalah orang yang mempunyai kawalan rumah tersebut. Tuan punya rumah yang sebenar telah menyatakan bahawa OKT1 bukan penyewa rumah itu dan telah mengemukakan resit-resit untuk menunjukkan fakta itu, dan seorang jiran yang telah meminta kebenaran untuk meletakkan keretanya di perkarangan di hadapan rumah itu pun menyatakan bahawa bukan OKT1, tetapi orang lain yang memberi kebenaran ini. Lagi pun Insp. Sakri telah menyatakan bahawa alamat OKT1 sepertimana yang didapati adalah No. 476, Kpg. Baru, Bemban, Batu Gajah. Lagi pun, OKT1 tidak melakukan apa-apa, selain daripada keluar dari bilik itu sebentar dan pulang dengan seikatan kunci sepertimana yang diminta polis berkali-kali terlebih dahulu.

Mahkamah bersetuju dengan peguambela bahawa tidak ada keterangan yang mencukupi untuk membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT1, dan dia pun telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa mengambil pembelaannya.

Encik Bachan peguambela bagi pihak OKT2 dan OKT3, menghujah bahawa Kons. Moke telah pergi ke bilik air itu 2 kali untuk mengutip benda dan sisanya yang disyaki sebagai dadah pada hari yang sama, kerana itu, seharusnya pihak pendakwa mengemukakan 2 pertuduhan yang berasingan, bukan satu.

Adalah dihujah pula bahawa OKT2 dan OKT3 bukanlah penghuni-penghuni (occupiers) kerana mereka tidak ada jagaan (care) dan pengurusan (management) atas rumah tersebut; alamat-alamat mereka pun telah disebutkan oleh saksi pihak pendakwa, dan tuan rumah pun menyatakan mereka bukan penyewa-penyewa rumah itu.

Peguambela menghujah lagi bahawa tidak terdapat sebarang pakaian atau benda yang lain dalam rumah itu yang menunjukkan pertalian antara pelanggan-pelanggan dan rumah tersebut. Juga, senarai penggeledahan atau "search list" sepatutnya tidak dapat diterima sebagaimana yang diputuskan dalam suatu kes di Kuala Lumpur. Tambahan pula, Kons. Moke telah pergi ke tempat kejadian 2 kali, dan pemergiannya pada kali kedua adalah sesudah 3 atau 4 jam lamanya selepas pemergiannya yang pertama untuk mengutip benda yang berbiji-bijian itu.

Dalam masa 3 atau 4 jam itu, sesiapa pun boleh membuang lebih dadah ke dalam bilik air itu. Tambahan pula, potongan-potongan kuku telah diambil oleh polis daripada OKT2 dan OKT3 dan tiada sebarang sisa atau kesan dadah dijumpai dalam kuku mereka. Lagi, penyewa rumah itu yang bernama Sin Ah Choon tidak dipanggil sebagai saksi; suatu inferens bertentangan telahpun timbul.

Timbalan Pendakwa Raya menghujah bahawa pengedaran dadah boleh dilakukan oleh OKT2 dan OKT3 bersama-sama, dari segi undang-undang, dan dalam kes ini, keterangan secara langsung mengenai pembuangan dadah ke dalam lubang tandas telah diberi. Penyewa rumah bernama Sin Ah Choon tidak dapat dikesan. Wang tunai sebanyak RM2,300 telah dijumpai pada OKT1 dan sebanyak RM1,671 pada OKT2. Kesemua OKT telah dijumpai di rumah tersebut, dan kewujudan alamat-alamat mereka tidak menjadi hal.

Biar kita meneliti keterangan mengenai OKT2. Selain daripada bekas Kons. Tukimin, tiada sesiapa yang nampak OKT2 membuat sesuatu dengan dadah itu. Kons. Tukimin yang diarah supaya menjaga kawasan di belakang rumah, kemudian terdengar pam air pada tandas di belakang loteng rumah itu ditarik, iaitu dia terdengar bunyi air tandas itu. Kemudian dia telah pergi ke depan rumah itu, dan terus naik tangga ke loteng. Setiba di loteng, dia nampak OKT2 membongkok dan membuang sesuatu ke dalam lubang tandas.

Kons. Asral yang bersama-sama dengan bekas Kons. Tukimin diarah supaya menjaga di belakang rumah tersebut, terus memanjat di belakang rumah sehingga dia sampai tepat di luar suatu tingkap atas. Dia mengintai ke dalam dan nampak OKT3 masuk ke dalam bilik air dan membongkok dan membuangkan sesuatu ke dalam lubang tandas itu, selepas itu keluar, dan masuk semula dan berbuat demikian lagi. Semuanya, dia masuk tiga kali dan keluar tiga kali.

Sementara itu di belkoni, di depan rumah, Kons. Hamidon dan Kons. Moke melihat OKT3 meninggalkan bilik depan dengan bungkusan plastik dan seterusnya, terdengar bunyi air tandas dan pulang kemudian tanpa bungkusan beg plastik.

Mahkamah merasa ragu-ragu dan tidak merasa pasti sama ada OKT2 adalah orang yang membuangkan sesuatu ke dalam lubang tandas sepertimana yang diterangkan oleh bekas Kons. Tukimin. Sepanjang masa, Kons. Asral nampak OKT3 sahaja, dari masa bunyi air tandas terdengar pada kali pertama, dia nampak OKT3, yang masuk tiga kali dan keluar tiga kali dari bilik air itu.

Tambahan pula bekas Kons. Tukimin telah pun dipecat daripada pasukan polis kerana salah laku sejak kejadian itu.

Lagi pun, Kpl. Kamaruddin yang berada di loteng, di suatu tempat yang boleh dikatakan berhampiran bilik air itu, kenapa pula dia tidak menahan OKT2. Dia tidak dipanggil ke kandang saksi. Harus diingat bahawa OKT2 telah diserahkan kepada Kpl. Kamaruddin oleh bekas Kons. Tukimin mengikut keterangan bekas Kons. Tukimin. Harus diingat dalam hubungan ini, bila bekas Kons. Tukimin menaiki tangga mengarah ke loteng, anggota-anggota polis lain termasuk Kpl. Kamaruddin, pun telah terlebih dahulu sedia berada di loteng. Mahkamah tidak dapat membuta tuli percanggahan yang serius antara keterangan bekas Kons. Tukimin dan anggota-anggota polis yang lain tentang siapa sebenarnya yang membuang dadah itu ke dalam tandas. Bukti suatu kes *prima facie* bukan bererti Mahkamah tidak boleh menimbang kualiti keterangan saksi pada akhir kes pendakwa, sebaliknya ia terpaksa berbuat demikian dalam proses membuat kesimpulan sama ada kes *prima facie* telah dibuktikan. Sila lihat *Munusamy v. PP* [1987] CLJ (Rep) 221. Oleh yang demikian, pada pendapat saya, pihak pendakwa telah gagal membuktikan

suatu kes *prima facie* terhadap OKT2, dengan perkataan-perkataan lain, dengan adanya keterangan begini, dengan sendirinya, adalah tidak selamat langsung untuk menyabitkan OKT2.

Mengenai OKT3, bukan sahaja Kons. Asral, malahan Kons. Moke dan Kons. Hamidon juga melihatnya membawa bungkusan plastik ke arah bilik air dan membuangkannya ke dalam lubang tandas dari bunyi air yang terdengar. Pada peringkat akhir kes pendakwa, tidak terdapat sebab-sebab apa untuk tidak mempercayai keterangan-keterangan mereka. Pihak pendakwa pun telah membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT3 dan OKT3 dipanggil untuk membela diri.

OKT3 mestilah memilih untuk memasuki kandang saksi. Dia berkata dia berumur 24 tahun, dan alamatnya ialah No. 430, Kpg. Baru, Bemban, Batu Gajah, tempat tumpah darahnya dan dibesarkan. Dia ditangkap pada 29 Januari 1985 pada pukul 1.30 pagi dan sebelum itu, dia bekerja di 92A, Jalan Cheras, Kuala Lumpur sebagai tukang kayu. Pada masa itu dia kenal bekas-bekas OKT1 dan OKT2. Kakak bekas OKT2 dan bekas OKT1 pun menetap di kampung yang sama. Adik bekas OKT1 adalah menjadi kawan karib kepada dia. Pada 28 Januari 1985 pukul 6 petang, OKT2 menjemputnya pergi ke Ipoh untuk mencari bekas OKT1 dan ada rancangan untuk melawat adik bekas OKT1 di Taiping keesokan hari, dan adik tersebut adalah sahabat karibnya. Setibanya di Ipoh, mereka pergi ke Super Kinta (kompleks membeli-belah) dahulu, kemudian ke Falim (suatu kawasan di Ipoh) untuk makan pada pukul 11.00 malam. Mereka pun pergi ke rumah (di mana mereka tertangkap kemudian). Mereka bertemu dengan OKT1 dan seorang lain yang tidak dikenali. Mereka berbual dan kemudian nak tidur. Dia dan bekas OKT1 tidur di bilik depan, dengan memakai seluar dalam sahaja masing-masing. Tidak berapa lama kemudian, terdengar suara orang dan bunyi orang memecah tingkap. Dia terjaga dan nampak seorang Melayu dan seorang Cina mengacukan pistol-pistol mereka ke arah mereka dari belkoni di luar. Dia nampak bekas OKT1 membawa suatu bungkusan plastik keluar dari bilik mereka dan menuju ke bilik depan. OKT1 masuk dan keluar dari bilik yang sama dua atau tiga kali dengan membawa barang semasa keluar dan pada kali terakhir bekas OKT1 masuk semula ke bilik mereka, OKT1 kelihatan menyerahkan seikatan kunci kepada polis yang terlebih dahulu telah meminta kunci-kunci tersebut daripada dia sendiri. Kemudian polis pun masuk ke dalam rumah tersebut dan mereka pun ditangkap. Dia menafikan dengan kerasnya dia dan kawan-kawan dia memproses heroin. Mereka memakai seluar dalam kerana cuaca panas, dan tidak terpasang kipas di bilik itu. Bekas OKT1 adalah orang yang membawa bungkusan plastik dan berulang alik dan bukan dia.

Bekas OKT1 pun dipanggil menjadi saksi bagi pihak OKT3. Bekas OKT1 mengaku bahawa dadah dijumpai di rumah, tetapi dia takut untuk menjawab soalan tentang dadah itu siapa punya, dan tentang orang yang mana yang membawa bungkusan plastik ke tandas.

Pada peringkat ini, peguambela memohon di bawah s.132(2) Akta Keterangan 1950, untuk memaksa bekas OKT1 menjawab soalan-soalan tersebut. Nampaknya Timbalan Pendakwa Raya tidak setuju dengan permohonan itu. Sesudah mendengar hujah-hujah daripada kedua-dua pihak, Mahkamah pun membenarkan permohonan tersebut dan bekas OKT1 pun diwajibkan menjawab soalan-soalan tersebut. Bekas OKT1 menjawab bahawa dialah yang berulang alik antara bilik dan tandas, dan dadah adalah kepunyaan Sim Ah Choon yang menyewa rumah itu. Bekas OKT1 dan Sim Ah Choon telah tinggal di rumah tersebut 2 atau 3 bulan. Dia mengaku dialah yang membuang dadah itu 2 atau 3 kali ke dalam lubang tandas itu.

Bekas OKT2 pun memberi keterangan sebagai saksi untuk pihak pembelaan, dan antara lain,

menyatakan bahawa dia pun nampak seorang bernama Sim Ah Choon di loteng di rumah itu. Sebelum polis menyerbu, Sim Ah Choon pun meninggalkan rumah itu. Dia berkata bekas OKT1 adalah sebenarnya orang yang membawa bungkusan plastik dan berulang alik antara bilik air dan bilik depan sebanyak tiga kali. Dia adalah bekas banduan kerana kesalahan dadah. Pernyataan amarannya pun dikemukakan dan dalamnya ceritanya pun adalah serupa tentang bekas OKT1.

Dalam hujahnya, peguambela untuk OKT3 mengatakan bahawa OKT3 telah disalahcamkan atau pandangkan oleh Kons. Asral, Kons. Moke dan Kons. Hamidon. Kejadian itu telah berlaku 4 tahun yang lalu. Kons. Tukimin camkan bekas OKT2 dan bukan OKT3; sedangkan OKT3 dan bekas OKT1 sama-sama tinggi, bentuk badan mereka sama, dan muka-muka mereka serupa. Lagipun, kesemua saksi pihak pendakwa ternampak OKT3 dan bekas OKT1 pada kali pertama pada malam itu dan mereka tidak kenal OKT1 pada kali pertama pada malam itu dan mereka tidak kenal OKT3 dan bekas OKT1 dahulu. Pernyataan amaran daripada bekas OKT2 pun telah diterima. Bekas OKT1 pun telah mengaku bahawa dialah orang yang bertanggungjawab. Kecurigaan sahaja tidak pernah mencukupi untuk menyabitkan seseorang.

Mahkamah pun telah perhatikan persamaan antara bekas OKT1 dan OKT3. Pertama, rupa muka mereka sama-sama berbentuk telur. Ciri-ciri lain tentang muka itu hampir serupa, begitu juga badan mereka. Bagi orang-orang yang kenal mereka, dapatlah camkan mereka dengan tiada kesusahan. Untuk pandangan sepintas lalu, adalah sukar untuk membezakan mereka, antara satu sama lain.

Sayugia diingat pula bahawa bekas OKT1 dan OKT3 cuma memakai seluar dalam masing-masing, dan ini menyebabkan pengenalan mereka lebih sukar lagi, tambahan pula, keadaan pada malam itu adalah tergesa-gesa sangat; misalnya, polis memecahkan cermin tingkap, polis memanjat rumah hingga ke loteng, di depan dan belakang rumah tersebut; kes ini dibicarakan selepas kejadian tersebut berlaku 4 tahun yang lalu; dan Kons. Tukimin dalam keterangannya, tidak menyebut tentang bekas OKT1 dan OKT3 tetapi sebaliknya hanya ternampak bekas OKT2 sahaja dan kekeliruan pun telah berlaku.

Bekas-bekas OKT1 dan OKT2 pun memberi keterangan bahawa OKT3 sebenarnya tidak terlibat, dan bukan OKT3 yang berulang alik antara bilik air dan bilik tidur itu. Pernyataan amaran pun telah dikemukakan. Semua ini, dengan sendirinya, tidak mencukupi untuk meyakinkan Mahkamah tetapi apabila dicampur dengan semua fakta yang tersebut di atas memang menyebabkan Mahkamah ini merasa ragu-ragu dan teragak-agak tidak berhenti tentang sama ada OKT3 adalah terlibat atau tidak. Tambahan pula, cara dia menyampaikan keterangan pun menyakinkan, seolah-olah dia bukan berlaku untuk menyelamatkan diri.

Kesimpulan Mahkamah ini adalah pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan, oleh yang demikian, OKT3 adalah dibebaskan dan dilepaskan.

Also found at [1991] 1 CLJ 705